



KANDUNGAN

AKTIVITI PENCEGAHAN

- ❖ Majlis Penerangan Dan Dialog SPRM Bersama Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Dan Parti Politik
- ❖ Majlis Penerangan Dan Ramah Mesra SPRM Pulau Pinang Bersama Pemimpin Persatuan Penduduk Taman Seri Serdang Kepala Batas
- ❖ Program Ramah Mesra SPRM Bersama Komuniti DUN Bagan Dalam
- ❖ Program Ramah Mesra Warga SPRM Bersama Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Sektor Ekonomi
- ❖ Majlis Penerangan Dan Explorace Komuniti Muhibbah SPT
- ❖ Majlis Penerangan Dan Dialog SPRM Bersama Pemimpin Komuniti Bukit Tambun, SPS
- ❖ Majlis Penerangan Dan Pemantapan Integriti Unit Penguatkuasa MPSP (MPR)
- ❖ Majlis Penerangan Dan Dialog Bersama Majlis Belia Hindu Pulau Pinang
- ❖ Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat Oleh JKPSB
- ❖ Majlis Penerangan Dan Dialog Bersama Pemimpin Komuniti Bandar Baru Farlim

Bagaimana anda boleh memberi maklumat kepada SPRM

- Datang sendiri ke mana-mana pejabat SPRM yang berhampiran
- Hubungi SPRM di talian **03-88867000** atau Talian Bebas Tol **1-800-88-6000**
- Tulis surat kepada mana-mana Pejabat SPRM poskod 6000 **tanpa setem**
 - Email SPRM: info@sprm.gov.my
- Laman Web SPRM: www.sprm.gov.my

**SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH
MALAYSIA PULAU PINANG**
44, JALAN SULTAN AHMAD SHAH,
PETI SURAT 6000
10850 PULAU PINANG

Tel: 04-2271982 Faks: 04-2266070/2292315

**SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH
MALAYSIA CAWANGAN SEBERANG PERAI,
TINGKAT 2B, BANGUNAN MAHKAMAH
MAJISTRET (MUNISIPAL) MPSP**
JALAN KAMPUNG JAWA, SEBERANG PERAI,
12000 BUTTERWORTH, PULAU PINANG

Tel: 04-3246000 Faks: 04-3242000

Kata-kata Aluan

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Saya sangat bersyukur kerana Newsletter Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang ini dapat diteruskan pada tahun ini sejak ia mula diterbitkan kali pertama pada tahun 2012. Newsletter ini bertujuan untuk memberi input kepada Jabatan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Badan Berkanun/Swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) pada setiap suku tahun berkaitan aktiviti pencegahan rasuah SPRM Pulau Pinang dalam memerangi jenayah rasuah serta meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap SPRM di negeri ini.



DATO' SAMARAJOO MANIKAM
Pengarah
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia
Pulau Pinang.

Pelbagai aktiviti dan usaha dilaksanakan oleh SPRM Pulau Pinang sebagai pemangkin bagi mencapai hasrat kerajaan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di mana salah satu bidang adalah memerangi jenayah rasuah. Sebagai agensi yang diberi mandat untuk memerangi rasuah khasnya di Pulau Pinang, tentu sekali ianya bukan satu tanggungjawab yang mudah. Namun, dengan adanya kerjasama yang padu daripada semua Jabatan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Badan Berkanun/Swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di Pulau Pinang serta sokongan yang berterusan daripada masyarakat tempatan, saya yakin masalah rasuah dapat dibendung.

Saya berharap kita bersama-sama dapat bergabung tenaga untuk memerangi jenayah rasuah bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian hidup serta meningkatkan ekonomi negara. SPRM Pulau Pinang akan sentiasa menerima pandangan daripada semua pihak untuk kebaikan bagi memerangi gejala rasuah. Akhir sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Jabatan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Badan Berkanun/Swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang selama ini telah memberikan sokongan dan bersama-sama dengan SPRM Pulau Pinang dalam memerangi jenayah rasuah.

Sekian.



MAJLIS PENERANGAN DAN DIALOG SPRM BERSAMA KETUA-KETUA JABATAN KERAJAAN DAN PARTI POLITIK

PULAU PINANG – 09 Julai 2013, Seramai 51 orang peserta terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Sektor Ekonomi, Ahli Parlimen serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan wartawan telah menghadiri Majlis Penerangan Dan Dialog SPRM Bersama Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Dan Parti Politik.

Objektif program ini adalah memberi penerangan berkenaan dengan Akta SPRM 2009 serta punca berlakunya rasuah dan bagi meningkatkan kesedaran tentang keburukan dan implikasi rasuah kepada ekonomi, pembangunan dan keselamatan negara. Ianya juga bagi meningkatkan kesedaran mencegah jenayah rasuah adalah tanggungjawab bersama. Program ini juga bagi meningkatkan hubungan kerjasama di antara SPRM dengan jabatan / agensi dan ahli politik dalam mencegah rasuah.

Satu sesi ceramah berkaitan Jenayah Rasuah Dan Pembangunan Negara: Integriti Sebagai Benteng Pertahanan Diri oleh penceramah undangan Ybrs Tuan Hj. Anis Yusal Yusoff, Felo Utama, Institut Kajian Etnik (KITA) UKM, Bangi dan juga beliau merupakan Panel Perundingan Dan Pencegahan Rasuah (PPPR). Seterusnya sesi dialog dengan tema SPRM Bebas Dan Telus yang dikendalikan oleh En. Azeman Ariffin, Ketua Biro, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA). Manakala ahli panel adalah Y.Bhg. Dato' Samarajoo Manikam, Pengarah SPRM Pulau Pinang.

Pameran dan edaran risalah juga diadakan untuk peserta mendapatkan maklumat dan penjelasan lebih lanjut berkaitan SPRM dan kesalahan rasuah yang telah ditetapkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009.



Anda Boleh Lakukan Perubahan Perangi Rasuah



MAJLIS PENERANGAN DAN RAMAH MESRA SPRM PULAU PINANG BERSAMA PEMIMPIN PERSATUAN PENDUDUK TAMAN SRI SERDANG

PULAU PINANG – 24 Julai 2013, Seramai 200 orang terdiri daripada Pemimpin Persatuan Penduduk Taman Sri Serdang , Persatuan Penduduk / Kawasan Rukun Tetangga & AJK Surau Al-Husna, Taman Sri Serdang hadir ke Majlis Penerangan Dan Ramah Mesra SPRM Pulau Pinang Bersama Pemimpin Persatuan Penduduk Taman Sri Serdang Kepala Batas yang telah diadakan di Surau Al-Husna taman berkenaan.

Objektif program ini adalah menyebarluaskan mesej anti rasuah dan kesalahan-kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 serta menerapkan nilai-nilai murni dan integriti di kalangan penduduk. Ianya juga bagi meningkatkan kesedaran dan penghayatan terhadap amalan mencegah rasuah adalah tanggungjawab bersama serta menjalinkan hubungan mesra di antara SPRM Pulau Pinang dengan penduduk.

Beberapa aktiviti telah dijalankan di dalam majlis ini diantaranya gotong-royong memasak bubur lambuk dan juga juadah berbuka puasa oleh semua pegawai wanita SPRM yang turut dibantu oleh kaum wanita dan ajk surau taman berkenaan. Bubur lambuk yang telah dimasak diedar kepada semua penduduk taman disamping pengedaran risalah berkaitan SPRM. Satu sesi ceramah / tazkirah berkaitan Rasuah Amalan Yang Keji oleh Ustaz Khairol Fitri Kiraman, Pejabat Agama Daerah SPU yang memberi penekanan bahawa rasuah adalah dilarang dan dipandang serius dalam islam termasuk agama-agama lain yang juga melarang perbuatan rasuah ini. Ceramah ini dihadiri oleh penduduk taman ini selain dari AJK Surau Al-Husna dan persatuan penduduk. Selepas itu satu majlis berbuka puasa beramai-ramai diadakan dikuti dengan solat maghrib, solat isyak dan solat tarawikh.

Secara keseluruhannya program ini mendapat sambutan yang sangat baik daripada penduduk. Program ini secara tidak langsung juga membolehkan SPRM berinteraksi secara bersemuka dengan komuniti penduduk Taman Sri Serdang yang boleh mengambil peluang untuk bertanyakan tentang rasuah , cara-cara untuk memberi maklumat dan mereka juga sangat berminat untuk mengetahui tugas-tugasan hakiki pegawai SPRM.

Komuniti taman ini juga berperanan menyebarkan mesej anti-rasuah kepada masyarakat dan secara tidak langsung masyarakat merasai kewujudan SPRM.





Anda Boleh Lakukan Perubahan Perangi Rasuah

PROGRAM RAMAH MESRA SPRM BERSAMA KOMUNITI DUN BAGAN DALAM

PULAU PINANG – 30 Ogos 2013, Seramai 150 orang terdiri daripada Penduduk Bagan, Pulau Pinang telah menghadiri Program Ramah Mesra Bersama Komuniti Setempat (Adun dan JKKK) Bagan Anjuran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang yang telah diadakan di Pejabat SPRM Cawangan Seberang Perai.

Objektif program ini diadakan adalah untuk menjalinkan hubungan kerjasama dengan pemimpin komuniti setempat secara berterusan serta mengekalkan hubungan baik di antara SPRM Pulau Pinang dengan Masyarakat setempat Adun Kawasan Bagan Dalam, JKKK ,Ketua-ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Sektor Ekonomi, Ketua-ketua Jabatan/ wakil, Agensi Swasta/ wakil, GLC, Badan Berkanun dan juga pihak media. Ianya juga bagi meningkatkan kesedaran mencegah rasuah adalah tanggungjawab bersama dan juga meningkatkan hubungan kerjasama di antara SPRM dengan jabatan kerajaan dan masyarakat setempat dalam mencegah rasuah serta mengadakan usahasama dalam menutup ruang dan peluang rasuah.

Satu taklimat ringkas mengenai SPRM telah disampaikan oleh PsK Yaacob Angah, Ketua Cawangan SPRM Seberang Perai. Pameran dan edaran risalah juga diadakan untuk peserta mendapatkan maklumat dan penjelasan lebih lanjut berkaitan SPRM dan kesalahan rasuah yang telah ditetapkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009.

Melalui program ini SPRM dapat bersemuka dengan masyarakat di sekitar Bagan Dalam dalam meningkatkan kefahaman mereka tentang peranan dan tanggungjawab bersama dalam memerangi jenayah rasuah. Pemimpin Komuniti yang menyertai program ini juga berperanan menyebarluaskan mesej anti-rasuah kepada masyarakat dan secara tidak langsung kewujudan SPRM dapat dirasai.





PROGRAM RAMAH MESRA WARGA SPRM BERSAMA KETUA-KETUA JABATAN KERAJAAN SEKTOR EKONOMI

PULAU PINANG – 03 September 2013, Seramai 320 orang peserta terdiri daripada Jabatan Kerajaan Persekutuan / Negeri Sektor Ekonomi, GLC, Swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPRM) USM dan IPG serta pelajar Sekolah Menengah Methodist.

Objektif program ini adalah bagi memupuk dan mengekalkan hubungan baik di antara SPRM Pulau Pinang dengan Jabatan Kerajaan Persekutuan / Negeri Sektor Ekonomi, GLC, Swasta dan NGO. Ianya juga bagi meningkatkan kesedaran mencegah rasuah adalah tanggungjawab bersama dan juga meningkatkan hubungan kerjasama di antara SPRM dengan jabatan kerajaan dalam mencegah rasuah serta mengadakan usahasama dalam menutup ruang dan peluang rasuah. Di antara tetamu VIP yang hadir adalah Y.Bhg. Tan Sri Hj. Abu Kassim b. Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM dan isteri, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, GLC, Swasta, NGO dan lain-lain.

Secara keseluruhannya jemputan di dalam program ini memberikan maklumbalas yang positif di atas usaha yang dijalankan oleh SPRM dalam memerangi jenayah rasuah. Melalui program ini juga, SPRM dapat berinteraksi secara bersemuka dengan Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Persekutuan / Negeri Sektor Ekonomi, GLC, Swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam meningkatkan kesedaran mencegah rasuah adalah tanggungjawab bersama serta meningkatkan hubungan kerjasama dalam mencegah rasuah.



Anda Boleh Lakukan Perubahan Perangi Rasuah

MAJLIS PENERANGAN DAN EXPLORACE KOMUNITI MUHIBBAH SPT

PULAU PINANG – 22 September 2013, Seramai 240 peserta terdiri daripada Komuniti Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) telah menghadiri Majlis Penerangan Dan Explorace Komuniti Muhibah SPT Anjuran SPRM Pulau Pinang Dengan Kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Daerah Seberang Perai Tengah yang telah diadakan di Hutan Lipur Cherok To’Kun, Bukit Mertajam.

Objektif program ini diadakan adalah untuk memberikan pengetahuan berkaitan Akta SPRM 2009, meningkatkan hubungan kerjasama diantara SPRM dengan Komuniti dan Pertubuhan Bukan Kerajaan dan sebagai salah satu program pencegahan rasuah selain daripada berbentuk punitif. Sesi ceramah berkaitan Kesalahan Rasuah dan Maklumat berkualiti telah disampaikan.

Aktiviti riadah yang disediakan kepada peserta kali ini ialah bentuk explorace. Acara explorace ini peserta akan dibahagikan kepada 40 kumpulan untuk mendapatkan 12 check point yang telah disediakan. 3 check point dikendalikan oleh SPRM Pulau Pinang adalah berpandukan kepada input ceramah dan pameran. Manakala 9 check point lagi dikendalikan oleh pihak NGO (3 check point oleh Majlis Belia Daerah Seberang Perai Tengah, 3 check point oleh Gerakan Pengguna Daerah Seberang Perai Tengah dan 3 check point oleh Persatuan Pekerja Islam Penang Port).

Majlis Perasmian Penutupan telah dilaksanakan PPj Abd Rahman Anor Basha, Ketua Penolong Pengarah SPRM Pulau Pinang.

Pada keseluruhannya program ini telah mendapat sambutan yang positif berdasarkan kesungguhan penglibatan semasa perjalanan program daripada Pemimpin Komuniti dan AJK serta peserta-peserta yang terdiri daripada komuniti Seberang Perai Tengah dan Pemimpin NGO SPT.

Melalui program ini juga, SPRM dapat berinteraksi secara bersemuka dengan pihak Komuniti SPT yang terdiri dari berbilang kaum dan peringkat umur dalam meningkatkan kefahaman mereka tentang peranan dan tanggungjawab bersama dalam memerangi jenayah rasuah dan secara tidak langsung, komuniti yang menyertai program ini berperanan dan berpeluang menjadi ‘Key Communicator’ untuk menyebarkan mesej anti-rasuah kepada masyarakat dan kewujudan SPRM dapat dirasai.

Pameran dan edaran risalah juga diadakan untuk peserta mendapatkan maklumat dan penjelasan lebih lanjut berkaitan SPRM dan kesalahan rasuah yang telah ditetapkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009.



Anda Boleh Lakukan Perubahan Perangi Rasuah



MAJLIS PENERANGAN DAN DIALOG SPRM BERSAMA PEMIMPIN KOMUNITI BUKIT TAMBUN, SPS

PULAU PINANG – 06 Oktober 2013, Seramai 150 orang terdiri daripada Penduduk Taman Merak, Pulau Pinang telah menghadiri Majlis Penerangan Dan Dialog Anjuran SPRM Pulau Pinang dengan kerjasama Pemimpin dan komuniti masyarakat Cina Bukit Tambun yang telah diadakan di Dewan KRT Taman Merak, Bukit Tambun. Majoriti masyarakat cina adalah bekerja sendiri dan di sektor swasta.

Objektif program ini diadakan adalah untuk menjalinkan hubungan kerjasama dengan pemimpin komuniti setempat secara berterusan, bagi tujuan meningkatkan ketelusan dalam usaha memperbaiki skor Indeks Persepsi Rasuah (Corruption Perception Index -CPI), memperbaiki persepsi masyarakat terhadap SPRM dan menjadikan penduduk setempat sebagai saluran untuk menyebarkan maklumat mengenai rasuah disamping mengadakan usaha bersama dalam menutup ruang dan peluang rasuah.

Majlis ini telah dibahagikan kepada tiga sesi iaitu acara sukaneka, ceramah serta pameran dan dialog. Acara sukaneka dijalankan melibatkan penyertaan pelbagai peringkat yang terdiri daripada Kanak-Kanak Tadika yang mengambil bahagian dalam acara mewarna dan mengutip gula-gula. Sementara peringkat Sekolah Rendah bagi acara membawa bola pingpong dalam sudu, mengisi air ke dalam botol dan meniup belon sehingga pecah. Bagi kategori Sekolah Menengah terdapat dua acara iaitu Musical Chair bagi perempuan dan lelaki. Seterusnya acara kategori terbuka yang melibatkan penyertaan peserta yang terdiri daipada ahli keluarga secara berduet dijalankan melibatkan acara Balingan Kasih, Jejak Kasih dan Sepak Raga Bulatan.

Satu ceramah berkaitan Pengenalan SPRM & Akta SPRM 2009 disampaikan oleh PsK Chin Chen Huat dan selepas itu majlis diteruskan dengan sesi dialog para peserta bersama ahli panel terdiri daripada Abd. Rahman Anor Basha, Ketua Penolong Pengarah SPRM Pulau Pinang dan PsK Chin Chen Huat, Penolong Pengarah SPRM Pulau Pinang.

Program ini mendapat sambutan yang baik daripada pemimpin komuniti setempat . Melalui program ini juga, SPRM dapat meningkatkan kefahaman mereka tentang peranan dan tanggungjawab bersama dalam memerangi jenayah rasuah. Pemimpin Komuniti yang menyertai program ini juga berperanan dan berpeluang untuk menyebarkan mesej anti-rasuah kepada masyarakat dan secara tidak langsung kewujudan SPRM dapat dirasai.



Pameran dan edaran risalah juga diadakan untuk peserta mendapatkan maklumat dan penjelasan lebih lanjut berkaitan SPRM dan kesalahan rasuah yang telah ditetapkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009.



Anda Boleh Lakukan Perubahan Perangi Rasuah

MAJLIS PENERANGAN DAN PEMANTAPAN INTEGRITI UNIT PENGUATKUASA MPSP (MPR)

PULAU PINANG – 09 Julai 2013, Seramai 39 orang peserta terdiri daripada pegawai Unit Pelesenan, Unit Kejuteraan dan Unit Penguatuksaan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) hadir ke Majlis Penerangan Dan Pemantapan Integriti Unit Penguatuksaan MPSP yang telah diadakan di Dewan Datuk Hj. Ahmad Badawi, Butterworth .

Objektif program ini adalah memberi penerangan berkenaan dengan kesalahan jenayah rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan di dalam Akta SPRM 2009. Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran bagi memantapkan integriti dalam menangani jenayah rasuah yang boleh menggugat organisasi. Mewujudkan hubungan kerjasama di antara SPRM dan MPSP dalam usaha pencegahan rasuah secara bersepada dan berterusan sebagai usaha dalaman organisasi yang sistematis dan berkesan. Memperkuatkannya serta melahirkan warga organisasi yang berintegriti tinggi yang berpegang teguh kepada undang-undang, peraturan dan etika organisasi.

Pengisian di dalam majlis adalah sesi ceramah, bengkel, dialog, pameran, kaunter pertanyaan dan edaran risalah. Ceramah adalah berkaitan Rasuah, Ciri-ciri Rasuah & Kesan Rasuah oleh PsK Yaacop b. Angah, Ketua Cawangan SPRM Cawangan Seberang Perai dan Pemantapan Integriti Dalam Perkhidmatan oleh PPj Abd. Rahman b. Anor Basha, Ketua Penolong Pengarah SPRM. Ianya memberi pendedahan dan penerangan berhubung rasuah sebagai satu jenayah yang boleh menimbulkan kesan buruk kepada individu, jabatan dan negara yang perlu diperangi.

Seterusnya sesi bengkel dimana peserta dibahagikan mengikut kumpulan dan diberikan satu isu untuk dibincangkan dan membentangkan hasil perbincangan tersebut. Ianya bertujuan membincangkan isu integriti dan rasuah yang berlaku dalam organisasi serta mengenalpasti ruang dan peluang boleh berlaku perkara tersebut. Peserta juga perlu mencungkil idea di kalangan mereka untuk membentuk strategi bagi menutup serta mengatasinya daripada berulang.

Lain-lain aktiviti adalah Pameran , kaunter pertanyaan dan edaran risalah yang bertujuan menimbulkan kesedaran bahawa usaha-usaha pencegahan rasuah, penyelewengan dan salahgunakuasa perlu ditangani secara dalaman, menyeluruh, bersepada, berterusan dan bersistematis. Sesi dialog juga diadakan peserta bersama PPj Abd. Rahman Anor Basha.

Program ini berjaya meningkatkan integriti dan pengetahuan peserta serta perlunya usaha-usaha pencegahan rasuah yang berterusan bagi meningkatkan kesedaran tentang keburukan jenayah rasuah dengan berpandu kepada prinsip “Mencegah Lebih Baik Daripada Mengubati”.

Dengan adanya program seperti ini memudahkan pihak MPSP dan SPRM dalam mengenalpasti isu / permasalahan dalam merangka strategi / pendekatan dalam pencegahan rasuah. Kerjasama yang erat dan padu daripada pihak MPSP sangat diharapkan bagi memerangi gejala rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan.





Anda Boleh Lakukan Perubahan Perangi Rasuah

MAJLIS PENERANGAN DAN DIALOG ANJURAN SPRM PULAU PINANG DENGAN KERJASAMA MAJLIS BELIA HINDU NEGERI PULAU PINANG

PULAU PINANG – 26 September 2013, seramai 120 orang peserta terdiri daripada Pemimpin serta Ahli Jawatankuasa Majlis Belia Hindu (MBH) Pulau Pinang dan generasi belia kaum India seluruh Pulau Pinang telah menghadiri Majlis Penerangan Dan Dialog Anjuran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang Dengan Kerjasama MBH Pulau Pinang yang telah diadakan di Auditorium SPRM Pulau Pinang .

Objektif program ini diadakan adalah untuk menjalinkan hubungan kerjasama dengan MBH Pulau Pinang secara berterusan bagi meningkatkan ketelusan dalam usaha memperbaiki skor Indeks Persepsi Rasuah (Corruption Perception Index -CPI) dan memperbaiki persepsi masyarakat terhadap SPRM serta menjadikan MBH Pulau Pinang sebagai saluran untuk menyebarkan maklumat mengenai rasuah disamping mengadakan usaha bersama dalam menutup ruang dan peluang rasuah.

Dua sesi ceramah telah diadakan dalam program ini berkaitan Pengenalan SPRM & Akta SPRM 2009 Oleh PPs G. Nanthini dan Leadership in 21st Century oleh Mr. R.M. Ravichandar A/L S.Ratnam. Seterusnya sesi dialog para peserta bersama ahli panel terdiri daripada Y.Bhg. Dato' Samarajoo Manikam, Pengarah SPRM Pulau Pinang dan Mr. R.M. Ravichandar yang kendalikan oleh En. Tharman s/o Anandan dari MBH Pulau Pinang sebagai moderator.

Diharap dengan adanya program sebegini belia-belia ini dapat pengetahuan tentang keburukan gejala rasuah. Mereka juga diharap dapat meningkatkan jatidiri dan integriti dalam menempuh cabaran masa hadapan dan dapat menyebarkan mesej anti rasuah kepada kawan-kawan, saudara dan rakan sekerja mereka.





MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR INTEGRITI KORPORAT OLEH JKPSB

PULAU PINANG – 25 November 2013, Seramai 200 orang terdiri daripada bahagian pengurusan JKP Sdn. Bhd. (JKPSB) Pulau Pinang, kontraktor, dan anak syarikat dibawah seliaan JKPSB Pulau Pinang telah menghadiri Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) oleh JKPSB yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang. JKPSB merupakan syarikat milik penuh Kementerian Kewangan Diperbadankan (MKD), Kementerian Kewangan dan merupakan Agensi Pelaksana kepada Kerajaan Persekutuan.

Majlis ini telah diadakan di Hotel Eastin, Pulau Pinang. Objektif majlis ini diadakan adalah bagi mempromosikan nilai-nilai ketelusan, integriti dan tadbir urus yang baik, pengukuhan sistem dalaman yang menyokong pencegahan rasuah serta pematuhan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dalam memerangi rasuah.

Majlis bermula dengan ucapan dari Pengurus JKPSB, Y.Bhg Dato' Zainal Abidin Osman, Penasihat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Di dalam ucapan tersebut, beliau telah melafazkan komitmen untuk menyokong segala bentuk usaha yang dibuat oleh SPRM mahupun kerajaan dalam aktiviti pencegahan rasuah di negara ini selaras dengan objektif bidang keberhasilan utama Negara iaitu ‘Memerangi Rasuah’ di bawah program transformasi kerajaan yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak.

Kemuncak majlis ini adalah bacaan ikrar oleh kakitangan JKPSB yang diketuai oleh Y.Bhg. Dato' Hj Adzmi Arifin, Pengarah Urusan JKPSB dan seterusnya Menandatangani Ikrar Integriti Korporat oleh JKPSB. Ikrar Integriti Korporat ini adalah suatu dokumen pernyataan bagi sesebuah syarikat untuk membuat komitmen bagi mendukung prinsip pencegahan rasuah di Malaysia. Dokumen Ikrar ini ditandatangani oleh Y.Bhg. Dato' Hj Adzmi Arifin dengan disaksikan oleh Y.Bhg. Dato' Zainal Abidin Osman, Y.Bhg. Dato' Hj Mohamed Yusoff Akope, Pengarah Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan SPRM dan Y.Bhg. Dato' Samarajoo Manikam, Pengarah SPRM Pulau Pinang.

Majlis diteruskan dengan sesi dialog para peserta bersama ahli panel terdiri daripada Y.Bhg. Dato' Hj Mohamad Yusoff B. Akope, dan Y.Bhg. Dato' Samarajoo Manikam yang dikendalikan oleh Y.Bhg. Dato' Hj Adzmi Arifin sebagai moderator.



Anda Boleh Lakukan Perubahan Perangi Rasuah



MAJLIS PENERANGAN DAN DIALOG BERSAMA PEMIMPIN KOMUNITI BANDAR BARU FARLIM

PULAU PINANG – 30 November 2013, Seramai 150 orang peserta terdiri daripada Penduduk Desa Baiduri Bandar Baru Ayer Itam Farlim, Pulau Pinang telah menghadiri Majlis Penerangan Dan Dialog Anjuran SPRM Pulau Pinang dengan Kerjasama Majlis Belia Hindu Negeri Pulau Pinang yang telah diadakan di Dewan Serbaguna Desa Baiduri, Bandar Baru Ayer Itam Farlim, Pulau Pinang.

Objektif majlis ini diadakan adalah untuk menjalinkan hubungan kerjasama dengan pemimpin komuniti setempat secara berterusan, bagi tujuan meningkatkan ketelusan dalam usaha memperbaiki skor Indeks Persepsi Rasuah (Corruption Perception Index -CPI), memperbaiki persepsi masyarakat terhadap SPRM dan menjadikan penduduk setempat sebagai saluran untuk menyebarkan maklumat mengenai rasuah disamping mengadakan usaha bersama dalam menutup ruang dan peluang rasuah.

Majlis ini telah dibahagikan kepada tiga sesi iaitu acara sukaneka, ceramah serta pameran dan dialog. Acara sukaneka dijalankan melibatkan penyertaan pelbagai peringkat yang terdiri daripada Kanak-Kanak Tadika yang mengambil bahagian dalam acara mewarna dan mengutip gula-gula. Sementara peringkat Sekolah Rendah bagi acara membawa bola ping-pong dalam sudu, mengisi air ke dalam botol dan meniuip belon sehingga pecah. Bagi kategori Sekolah Menengah terdapat dua acara iaitu Musical Chair bagi perempuan dan lelaki. Seterusnya acara kategori terbuka yang melibatkan penyertaan peserta yang terdiri daipada ahli keluarga secara berduet dijalankan melibatkan acara Balingan Kasih, Jejak Kasih dan Sepak Raga Bulatan.

Satu ceramah berkaitan Pengenalan SPRM & Akta SPRM 2009 oleh PPj Abd. Rahman b. Anor Basha, Ketua Penolong Pengarah SPRM dan selepas itu majlis diteruskan dengan sesi dialog para peserta bersama ahli panel terdiri daripada Y.Bhg. Dato' Samarakoo Manikam, Pengarah SPRM Pulau Pinang yang dikendalikan oleh En. Tharman s/o Anandan, Majlis Belia Hindu Negeri Pulau Pinang sebagai moderator.

Melalui program ini juga, SPRM dapat berinteraksi secara bersemuka dengan pihak masyarakat di sekitar Desa Baiduri Bandar Baru Ayer Itam, Pulau Pinang dalam meningkatkan kefahaman mereka tentang peranan dan tanggungjawab bersama dalam memerangi jenayah rasuah. Pemimpin Komuniti yang menyertai program ini juga berperanan dan berpeluang untuk menyebarkan mesej anti-rasuah kepada masyarakat dan secara tidak langsung kewujudan SPRM dapat dirasai.

Pameran dan edaran risalah juga diadakan untuk peserta mendapatkan maklumat dan penjelasan lebih lanjut berkaitan SPRM dan kesalahan rasuah yang telah ditetapkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009.





AKTIVITI PAMERAN

Sepanjang suku tahun kedua (Julai – Disember 2013) SPRM Pulau Pinang telah mengadakan beberapa aktiviti pameran. Objektif aktiviti pameran ini diadakan bagi mendekatkan SPRM dengan masyarakat supaya mereka dapat merasai kewujudan SPRM. Selain itu juga untuk memberi penerangan dan informasi-informasi berkaitan jenayah rasuah serta meningkatkan kesedaran di kalangan mereka mengenai bahaya gejala rasuah.

PAMERAN DI SMK PONDOK UPEH, BALIK PULAU

18 Jun 2013



PAMERAN DI SMK PENANTI, BUKIT MERTAJAM

03 Julai 2013





SAMBUNGAN AKTIVITI PAMERAN

PAMERAN DI SMK TELOK KUMBAR

06 Julai 2013



PAMERAN SEMPENA MALAM PUASI AMBANG MERDEKA DI PERKARANGAN MEDAN SELERA BANDAR PERDA

30 OGOS 2013





SAMBUNGAN AKTIVITI PAMERAN

**PAMERAN SEMPENA HARI KO-KURIKULUM
21 SEPTEMBER 2013**



**PAMERAN DI SMK PERMATANG PASIR
31 OKTOBER 2013**





*SPRM Pulau Pinang mengalu-alukan
sebarang sumbangan berbentuk penulisan
yang bertemakan tadbir urus terbaik dan
pencegahan rasuah. Sila kemukakan
penulisan Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan melalui
email : newsletter.pp@sprm.gov.my*

